

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Insurance Berhad ("Kami")
Baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Kemalangan Diri Flexi PA . Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Kemalangan Diri Flexi PA Tarikh : 01/01/2018

1. Apakah produk ini?

Produk ini merupakan pelan kemalangan peribadi yang menyediakan perlindungan untuk kematian, hilang upaya menyeluruh yang kekal dan elaun kemasukan ke hospital.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberi?

Berikut adalah manfaat-manfaat Kemalangan Diri Flexi PA:

Manfaat-manfaat	Amaun Manfaat (RM)
<p>1. Kematian akibat kemalangan Sekiranya anda mengalami kecederaan badan semasa tempoh insurans yang mengakibatkan kematian dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan, kami akan:</p> <p>a. dengan kebenaran, menyelesaikan baki tertunggak pinjaman sewa beli kereta persendirian anda dan membayar jumlah manfaat yang selebihnya, jika ada, kepada penama/keluarga anda; atau</p> <p>b. sekiranya tiada kebenaran untuk menyelesaikan sebarang baki tertunggak pinjaman sewa beli, membayar penuh jumlah manfaat kepada penama/keluarga anda.</p>	50,000
<p>2. Hilang Upaya menyeluruh yang kekal Sekiranya anda mengalami kecederaan badan semasa tempoh insurans yang mengakibatkan hilang updaya seperti berikut dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan:</p> <p>a. Lumpuh Menyeluruh yang Kekal, atau</p> <p>b. Terlantar akibat hilang upaya kekal, atau</p> <p>c. Kehilangan menyeluruh yang kekal kedua-dua belah mata, atau</p> <p>d. Kehilangan menyeluruh yang kekal bagi penggunaan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki atau kedua-dua belah anggota tangan dan kaki atau kombinasi daripadanya.</p>	50,000
3. Elaun Kemasukan ke Hospital	50 semalam, sehingga 5,000

Tempoh perlindungan ialah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda secara tahunan.

Nota: Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Premium tahunan ialah RM63.60 (termasuk GST). Premium boleh dibuat secara tunai, kad kredit atau cek.
- Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barang & Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Jumlah (RM)
Komisen dibayar kepada ejen insurans	25% daripada premium
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	6% daripada premium
Duti Setem	10.00

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

Kepentingan pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Terma-terma dan Syarat-syarat - Kami berhak untuk meminda terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat polisi ini dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod-rekod kami. Anda perlu memberitahu kami jika terdapat apa-apa perubahan kepada alamat, pekerjaan anda atau jika anda mengalami apa-apa kecacatan fizikal atau sebarang kelemahan akibat daripada penyakit semasa di dalam tempoh insurans dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis terlebih dahulu.

Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC) – premium hendaklah dibayar kepada kami atau ejen kami yang diiktiraf sebelum tarikh perlindungan

polisi dikuatkuasakan.

Tuntutan – jika berlaku kemalangan yang membawa kepada tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh kemalangan itu berlaku.

Polisi Lain - Seseorang itu tidak boleh diinsuranskan lebih daripada satu polisi Kemalangan Diri Flexi PA.

Perjalanan Luar Negara - Kami tidak akan membayar sebarang manfaat semasa anda berada di luar Malaysia untuk tempoh melebihi tiga (3) bulan turut di dalam mana-mana satu tempoh insurans.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk polisi insurans untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di dalam polisi.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

- a. Penyakit sedia ada;
- b. Tindakan yang disengajakan, jenayah atau tindakan haram, atau kecuaiian;
- c. Bunuh diri atau percubaan membunuh diri, pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
- d. Kecederaan terhadap diri sendiri, tekanan, gangguan fikiran atau perasaan;
- e. Alkohol atau penggunaan dadah;
- f. Kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau pengguguran anak;
- g. AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- h. Sebarang peperangan, rusuhan, mogok, pemberontakan dan kegemparan awam;
- i. Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif; atau
- j. Terlibat di dalam pekerjaan dan aktiviti berbahaya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di dalam polisi.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis dan menyerahkan Polisi Insurans asal anda kepada kami. Atas pembatalan tersebut, anda boleh mendapat kembali sebahagian premium anda dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat sepanjang tempoh insurans.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang insurans kemalangan diri, sila rujuk buku panduan maklumat infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqa General Insurance Berhad (9557T)

(Dahulu dikenali sebagai Etiqa Insurance Berhad)

(Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etiqa Online: 1300 13 8888

E-mel: info@etiqa.com.my

Laman Utama: www.etiqa.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans kemalangan diri yang boleh didapati

Sila rujuk kepada cawangan kami atau ejen kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA MESTI MEMBACA, MEMAHAMI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2018.